

Media Title : Kosmo  
Headline : Peniaga Pasar Payang jadi keldai akaun didenda RM4.500  
Date : 10 June 2024  
Section : Negara!  
Page : 18



# Peniaga Pasar Payang jadi keldai akaun didenda RM4,500

**KUALA TERENGGANU** – Seorang peniaga yang juga keldai akaun didenda RM4,500 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam, atas kesalahan menerima dan menyimpan harta curi berupa wang tunai RM13,616 milik seorang mangsa sindiket penipuan pada dua tahun lalu.

Tertuduh, Feliciano Shaif Cubinar Tajul Ariffin, 22, membuat pengakuan bersalah setelah kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Noor Mazrinie Mahmood.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa menyimpan wang tunai RM13,616 milik seorang wanita yang merupakan harta curi.

Perbuatan Feliciano Shaif Cubinar didakwa dilakukan di Pasar Besar Kedai Payang di sini pada pukul 2.58 petang, 28 Disember 2022.

Mengikut fakta kes, mangsa mendakwa menerima panggilan telefon yang mendakwa kononnya dia terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram dan dadah.

Dia diarahkan untuk membayar RM30,000 kononnya bagi menyelesaikan kes itu.

Wanita tersebut yang cemas kemudian memindahkan



**FELICIANO SHAIF CUBINAR (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu semalam.**

wangnya berjumlah keseluruhan RM13,616 ke dalam satu akaun bank milik tertuduh.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Tertuduh sewaktu membela diri mendakwa maklumat per-

bankannya digunakan pihak tidak bertanggungjawab.

Dia mendakwa pernah memberi maklumat perbankannya apabila ditawarkan pinjaman, namun tidak pernah menerima pembayaran dijanjikan.

“Saya tidak tahu-menahu transaksi dibuat mangsa. Apapun saya berjanji akan lebih berhati-hati selepas ini,” katanya.